



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## TEORI TEKSDEALISME DALAM GAYA KEIBUBAPAAN NOVEL KOMSAS *SUKAR MEMBAWA TUAH DAN MERENANG GELORA*

RUZIWATI BINTI ABU SAMAH

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU)  
(MOD PENYELIDIKAN)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya keibubapaan dalam novel Komsas *Sukar Membawa Tuah* dan *Merenang Gelora*. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Asas dan dasar kepada kajian ini dirungkai melalui empat prinsip Teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah, iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keunggulan. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa, novel Komsas yang menggunakan gaya keibubapaan memainkan peranan yang luas dalam pembentukan sebuah masyarakat dan dilihat lebih bersifat mendidik. Kajian ini mendapati peranan ibu bapa amat besar dalam menentukan perkembangan identiti dan tingkah laku anak-anak yang membantu meningkatkan penghargaan kendiri dan emosi mereka. Kajian ini juga mendapati gaya asuhan yang bersifat penolakan daripada ibu bapa menyebabkan remaja terabai dan terjebak dengan delinkuensi. Ibu bapa yang sering menghargai dan menyokong anak-anak didapati memberi peluang kepada anak-anak untuk berkongsi pendapat dengan mereka dan meningkatkan keyakinan diri mereka. Melalui dapatkan kajian yang menggunakan keempat-empat prinsip Teksdealisme, pengkaji mendapati prinsip keunggulan paling dominan digunakan. Ibu bapa yang memiliki sifat keberanian dan kebijaksanaan dalam mendidik adalah wadah yang berkesan dijadikan teladan dalam kehidupan masyarakat hari ini. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan memainkan peranan penting kepada pembentukan sahsiah remaja yang unggul seperti yang diaspirasikan oleh negara. Kajian yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan supaya ilmu keibubapaan ini dapat dikembangkan dan dipupuk penggunaannya kepada para ibu bapa dalam usaha membangunkan bangsa.





## **TEKSDEALISM THEORY IN PARENTING STYLE FROM *SUKAR MEMBAWA TUAH AND MERENANG GELORA* LITERATURE COMPONENT NOVELS (KOMSAS)**

### **ABSTRACT**

The objective of this study is to identify parenting styles in the '*Sukar Membawa Tuah*' and '*Merenang Gelora*' literature novel. In this study, the author used literature and text study method. This study was explained based on the four principles of Teksdealisme Theory that was pioneer by Abdul Rahman Napiah that are presence, violation, affirmation, and superiority. This study found that literature novel which use parenting style played an essential role in shaping a community and was seen more didactive. It was also figured out that parents' roles are really enormous in deciding the development of identity and attitude of the children whom assist in self appreciation and their emotion. This study also found that the nurturing style which has denial characteristic from parents will make teenagers feel neglected and involved with delinquent. Meanwhile, parents whom always appreciate and support children was figured out to give their children chances to share their opinion and increase their confidence level. Through the results of this study which using four principles of Teksdealism, researcher found out that the most dominant principle that was used is superiority. Having courage and intelligence on parents in educating are an effective base in becoming exemplar in todays' community. The results crystallly proof that parenting style portrayed crucial development of teenagers' attitude whom superior as inspired by the country. Comprehensive research has to be carried on so that parenting knowledge could be expand and inculcated its usage to parents in attempt to develop the nation.





## KANDUNGAN

### Muka surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Batasan Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Metodologi	19
1.8.1 Kajian Kepustakaan	21



1.8.2 Kajian Teks	22
1.9 Definisi operasional	23
1.9.1 Teksdealisme	24
1.9.2 Gaya Keibubapaan	26
1.9.3 Novel	28
1.9.4 Komsas	30
1.10 Kesimpulan	32

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	34
2.2 Gaya Keibubapaan	38
2.3 Teori Teksdealisme	45
2.4 Kajian novel Merenang Gelora karya Ruslan Ngah	49
2.5 Kajian novel Sukar Membawa Tuah karya M.Z. Erlysha	52
2.6 Kesimpulan	55

### BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	58
3.2 Reka bentuk kajian	60
3.2.1 Kajian Kepustakaan	61
3.2.2 Kajian analisis dokumen	62
3.2.3 Teori Teksdealisme	63
3.2.3.1 Prinsip Kehadiran berdasarkan Teori Teksdealisme	72
3.2.3.2 Prinsip Pelanggaran berdasarkan Teori Teksdealisme	76



3.2.3.3 Prinsip Pengukuhan berdasarkan Teori Teksdealisme	79
3.2.3.4 Prinsip Individualisme berdasarkan Teori Teksdealisme	85
3.3 Instrumen kajian	88
3.3.1 Instrumen Senarai Semak Gaya Keibubapaan dalam Novel <i>Merenang Gelora</i> karya Ruslan Ngah	89
3.3.2 Instrumen Senarai Semak Gaya Keibubapaan dalam Novel <i>Sukar Membawa Tuah</i> karya M.Z Erlysha	92
3.3.3 Teknik Pengumpulan Data	111
3.4 Analisis Data	111
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	113
3.6 Kesimpulan	115



4.1 Pengenalan	117
4.2 Gaya Keibubapaan sebagai satu saluran mendidik melalui Prinsip kehadiran	120
4.2.1 Pemaknaan latar belakang dalam novel <i>Merenang Gelora</i>	122
4.2.2 Pemaknaan watak dalam novel <i>Merenang Gelora</i>	127
4.2.3 Pemaknaan pengajaran dalam novel <i>Merenang Gelora</i>	136
4.2.4 Pemaknaan latar belakang dalam novel <i>Sukar Membawa Tuah</i>	139
4.2.5 Pemaknaan watak dalam novel <i>Sukar Membawa Tuah</i>	142
4.2.6 Pemaknaan pengajaran dalam novel <i>Sukar Membawa Tuah</i>	145





4.3 Gaya Keibubapaan berkesan membanteras masalah gejala sosial melalui prinsip pelanggaran	148
4.3.1 Peranan ibu bapa sebagai pelindung	155
4.3.2 Peranan ibu bapa sebagai sumber kasih sayang	162
4.3.3 Peranan ibu bapa dalam membentuk emosi	166
4.4 Gaya Keibubapaan berkesan membanteras gejala sosial Melalui Prinsip pengukuhan	173
4.4.1 Peranan ibu bapa dalam mengukuhkan konsep kendiri anak-anak	173
4.4.2 Peranan ibu bapa dalam mengukuhkan personaliti anak-anak	177
4.4.3 Peranan ibu bapa dalam mengukuhkan kecerdasan emosi	180
4.5 Gaya Keibubapaan dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja melalui prinsip keunggulan	185
4.5.1 Peranan ibu bapa dalam pembentukan disiplin	188
4.5.2 Peranan ibu bapa dalam pembentukan potensi diri	192
4.5.3 Peranan ibu bapa dalam pembentukan kecemerlangan akademik	195
4.6 Kesimpulan	197

## BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	200
5.2 Rumusan	202
5.3 Implikasi kajian	207
5.4 Cadangan Kajian	210
5.4.1 Peranan ibu bapa	211
5.4.2 Peranan guru atau pihak sekolah	212





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5.4.3 Peranan penerbit karya sastera 214

5.4.4 Peranan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) 216

5.4.5 Peranan Institusi Penyelidikan (IPTA/IPTS) 221

5.5 Kesimpulan 223

**RUJUKAN** 224



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Senarai novel yang dikaji	16
3.2 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip kehadiran Novel <i>Merenang Gelora</i>	90
3.3 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip kehadiran Novel <i>Sukar Membawa Tuah</i>	92
3.4 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip pelanggaran Novel <i>Merenang Gelora</i>	95
3.5 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip pelanggaran Novel <i>Sukar membawa tuah</i>	97
3.6 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip pengukuhan Novel <i>Merenang Gelora</i>	100
3.7 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip pengukuhan Novel <i>Sukar membawa tuah</i>	103
3.8 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip individualisme Novel <i>Merenang Gelora</i>	106
3.9 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip individualisme Novel <i>Sukar membawa tuah</i>	108





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
3.1 Prinsip pelanggaran dalam Teori Teksdealisme	77
3.2 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip kehadiran	94
3.3 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip pelanggaran	99
3.4 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip pengukuhan	105
3.5 Senarai semak gaya keibubapaan berdasarkan prinsip individualisme	110
3.6 Kerangka teori teksdealisme dalam gaya keibubapaan novel <i>Merenang Gelora dan Sukar Membawa Tuah</i>	116



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Gaya keibubapaan ialah amalan yang dipraktikkan oleh setiap ibu bapa dalam mendidik, mengasuh, memberi tunjuk ajar, menjaga dan membentuk sahsiah anak-anak. Setiap insan berkeinginan untuk memiliki keluarganya sendiri iaitu melalui ikatan perkahwinan yang sah. Pada asasnya, ikatan perkahwinan ialah sebahagian daripada fitrah manusia dan sebahagian daripada hukum Allah. Melalui perkahwinan ini, maka terbinalah sebuah keluarga. Persoalannya, tahap pengetahuan pasangan suami isteri itu dalam aspek gaya keibubapaan bagi membentuk keluarga yang utuh dan harmoni masih lagi belum kukuh. Banyak cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak dan mengekalkan keutuhan serta keharmonian keluarga mengikut acuan sendiri tanpa terpengaruh dengan didikan daripada orang lain.





Gaya keibubapaan cukup dominan dan saling melengkapi dan menjadi bahan mentah pengarang dalam penulisan kreatif. Kehidupan masyarakat yang pelbagai bentuk dan ragam menjadi ilham pengarang untuk berkarya terutama dalam aspek untuk melahirkan insan yang seimbang. Laporan yang dikeluarkan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) menyatakan sepuluh jenis tingkah laku jenayah dalam kalangan murid sekolah menengah dan rendah adalah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kurang sopan, ponteng sekolah, buli dan menghisap rokok. Pendedahan yang dibuat oleh *Utusan Malaysia* bertarikh 8 Julai 2014, dua remaja yang masih bersekolah berusia dalam lingkungan 16 dan 17 tahun berlagak samseng melakukan samun bersama-sama empat lagi rakan mereka di Puchong . *Harian Metro* bertarikh 31 Mei 2016, melaporkan di Johor Bahru penjualan dadah dalam kalangan murid sekolah dengan bermodus operandi menggunakan aplikasi Wechat semakin berleluasa.

Laporan-laporan akhbar yang dipaparkan menunjukkan betapa kritikalnya keadaan remaja di Malaysia pada hari ini. Fenomena ini memberikan suatu petunjuk betapa perlunya remaja ini diberikan bimbingan dan pendidikan yang baik di rumah melalui didikan ibu bapa. Penekanan terhadap pengetahuan keibubapaan baik berupa aspek asuhan, pemeliharaan, perlindungan dan bimbingan secara tepat dilihat mampu membantu pertumbuhan tingkah laku remaja yang positif.

Ibu bapa memainkan peranan untuk menentukan pola-pola tingkah laku anak yang mempunyai kesan ke atas pembentukan personaliti , motivasi dan pencapaian akademik anak-anak. Pada masa sekarang, ibu bapa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mendidik anak-anak, terutama sekali apabila anak-anak memasuki alam remaja. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Hashim Bedu (2015) dalam





keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga , mengklasifikasikan punca-punca jenayah seperti berikut iaitu perasaan ingin tahu dan mencuba, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa, dan ibu bapa yang mengamalkan sikap terlalu mengongkong serta mengabaikan pendidikan rohani dan agama. Mendidik anak dalam usia remaja pada masa sekarang adalah lebih mencabar kerana terdapat banyak pengaruh luaran yang boleh membentuk sikap dan tingkah laku mereka. Perbezaan ruang waktu yang dilalui boleh menyebabkan acuan pendewasaan yang telah digunakan terhadap ibu bapa pada masa dahulu tidak semestinya dapat diterima oleh jiwa remaja anak-anak mereka.

Selain itu pengkaji berpendapat ada baiknya jika persoalan dan permasalahan dalam karya komsas yang dipilih dapat diketengahkan kepada umum supaya isu ini dapat difikirkan bersama-sama jalan penyelesaiannya. Disamping itu, dapat memberikan idea untuk menepis tanggapan negatif terhadap organisasi keibubapaan dan memberikan respon dan pendapat untuk menanganinya. Dalam konteks ini, perubahan corak hidup masyarakat telah mengikis tradisi dalam hubungan keibubapaan. Namun tidak dapat dinafikan tentang peranan ibu bapa melebihi segala-galanya dalam membentuk akhlak anak-anak. Pendidikan dan pembentukan akhlak menjadi benteng kepada anak-anak dalam menghadapi segala ancaman yang cuba menggugat dan merosakkannya. Umumnya, hubungan kekeluargaan merangkumi hubungan spiritual (agama), emosi, seperti kasih sayang, sifat hormat menghormati, bertanggungjawab dan berpendidikan. Seterusnya pengkaji cuba melihat sejauh mana ibu bapa berperanan membentuk jiwa anak-anak yang masih putih bersih agar tidak terus kekosongan. Pengkaji turut mengetengahkan mengenai interpretasi pengkaji





terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam memupuk jiwa anak-anak yang sedang membesar melalui novel-novel yang dikaji.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dunia kesusasteraan mempunyai keindahannya yang tersendiri. Keindahan dalam kesusasteraan itu cuma dapat dinikmati oleh mereka yang benar-benar mempunyai jiwa seni dan mengerti hakikat kesusasteraan itu sendiri. Kesusasteraan merupakan suatu tempat untuk menimba pengalaman pada tingkat-tingkat umur tertentu, tetapi harus ditinjau, diteroka, dicintai selama-lamanya ibarat menyedut udara yang bersih untuk kelangsungan hidup. Setiap agama mendidik agar ibu bapa dan rumah tangga menjadi institusi yang aman, bahagia dan kukuh bagi setiap ahli keluarga. Keluarga

merupakan lingkungan atau unit masyarakat terkecil yang berperanan sebagai satu

lembaga yang menentukan corak dan bentuk masyarakat. Ibu bapa harus membincangkan semua hal sama ada yang menggembirakan maupun kesulitan yang dihadapi disamping menjadi tempat menjana nilai-nilai kekeluargaan dan kemanusiaan. Dalam usaha membentuk sikap anak-anak, ibu bapa tidak boleh mengawal sepenuhnya tingkah laku mereka kerana hal ini boleh mendatangkan kesan yang negatif kepada kedua-dua belah pihak (Hassim, 2012). Kasih sayang, rasa aman dan bahagia serta perhatian berat yang dirasakan oleh seorang ahli khususnya anak-anak dalam keluarga akan memberi kepadanya keyakinan dan kepercayaan pada diri sendiri untuk menghadapi berbagai persoalan dalam hidupnya. Ibu bapa adalah insan pertama yang diharapkan dapat memberikan bantuan dan petunjuk dalam menyelesaikan masalah anak.





Menurut hasil kajian Hilal Asyraff (2016), cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa masa kini adalah hendak mendewasakan anak-anak menjadi manusia yang berakhhlak baik. Ibu bapa perlu menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak, mendisiplinkan mereka, menjadi teladan kepada mereka agar suka membuat perkara yang murni dan menjauhi hal-hal yang buruk. Hal ini kerana waktu-waktu awal seorang manusia adalah waktu-waktu pembentukan persepsi. Apabila kita tidak mendidik anak kita dengan baik, bermula di rumah tatkala mereka masih tinggal dan tidur di rumah kita maka kita akan sekadar menghantarkan anasir buruk apabila kita melepaskan mereka ke dunia luar. Sekolah tidak akan automatik mampu memperbaiki sikap seseorang insan. Sekolah memerlukan ibu bapa untuk memberikan mukaddimah yang baik, membentuk mentaliti anak-anak supaya proses pembelajaran dan pembentukan dapat berjalan dengan baik di institusi pendidikan.



Hubungan kekeluargaan dari aspek komunikasi dan gaya keibubapaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran novel sastera merupakan salah satu metode yang efektif untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Penceritaan dalam sesebuah novel boleh dianggap sebagai wadah yang dapat membimbing pembaca khususnya golongan remaja dalam proses tumbesaran minda. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, terdapat beberapa faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian pelajar iaitu guru, ibu bapa, diri sendiri dan yang terakhir adalah rakan sebaya (Salleh, 2012). Lazimnya apabila pembaca selesai membaca sebuah novel, mereka akan cuba untuk memahami isi cerita, mengikuti plot-plotnya dan mengimajasikan watak-watak dalam cerita tersebut melalui minda dan pemikiran mereka. Oleh itu, pemilihan watak dalam cerita terutamanya watak utama sering kali diberi perhatian khusus oleh pengarang.





Penggunaan teori teksdealisme dalam kajian novel adalah untuk menunjukkan bahawa teksdealisme adalah penciptaan daripada sesuatu yang sedia ada, bukan berdasarkan sesuatu yang tidak ada. Teksdealisme menganjurkan agar setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya mencapai tahap keunggulan. Muhd Rafi Abu Bakar dan Muhd Razali Jantan (2012) telah mengkaji penggunaan teksdealisme dalam novel karya Isa Kamari. Teks-teks yang dihasilkan tidak akan berjaya untuk sampai ketaraf yang unggul jika sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan tidak dimiliki oleh seorang pengarang. Sebaliknya teks-teks yang dihasilkan itu hanya akan bergerak dalam lingkungan tradisinya dan dianggap sebagai teks-teks biasa sahaja. Kebijaksanaan pula merupakan sifat yang mendorong pengarang melakukan pekerjaan penulisan teks itu dengan penuh kesedaran dan bergerak dalam landasan keilmuan. Oleh itu pengarang seharusnya sudah memperlengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan melalui pembacaan dan pengkajian dalam pelbagai bidang.

Kesimpulannya, gaya keibubapaan dipilih untuk mendidik masyarakat pada hari ini agar tidak memandang remeh tentang isu-isu gejala sosial yang melibatkan anak-anak remaja pada hari ini. Tema dan persoalan yang diterapkan dalam novel komsas diharapkan dapat mendidik masyarakat tentang ilmu keibubapaan. Pada zaman yang sofistikated ini, murid-murid akan dapat terhindar daripada karya penulisan penulis barat yang menghidangkan budaya yang bertentangan dengan nilai masyarakat Malaysia.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilaksanakan kerana novel yang bertemakan percintaan kini menjadi produk bernilai tinggi yang ingin dimiliki oleh sebilangan besar remaja di Malaysia. Malah mereka begitu bangga untuk menguar-uarkan koleksi yang mereka miliki kepada rakan-rakan sebaya, sama seperti perasaan bangga yang dirasai sekelompok remaja yang lain ketika mempamerkan gajet-gajet telekomunikasi terbaru mereka. Akhbar *Utusan Malaysia* (13 Januari, 2013) melaporkan bahawa belakangan ini novel bergenre ringan dan bertema cinta diterbitkan dan dicetak pada kuantiti yang luar biasa. Beberapa karya penulis muda yang terkenal dilaporkan diulang cetak melebihi 10 kali dengan jumlah cetakan hampir setengah juta naskah. Novel karya Fauziah Shaari yang pernah diadaptasi ke bentuk filem telah diulang cetak sehingga 150 ribu naskah, selepas kejayaan filem berkenaan mencatat kutipan tayangan RM 11 juta. Hal ini membuktikan remaja hari ini begitu meminati bahan bacaan ringan yang bertemakan percintaan, dibandingkan dengan karya novel yang bertemakan kekeluargaan. Situasi ini perlu dilihat lebih serius kerana memberi kesan dalam pembinaan jati diri dan interpersonal remaja.

Selain itu, novel yang bertemakan gaya keibubapaan adalah karya kreatif yang merupakan satu dokumentasi bangsa yang mendidik kalangan pembaca melalui corak penceritaan. Namun, institusi kekeluargaan hari ini saban hari menjadi semakin porak peranda dalam konteks kehidupan seharian. Ada kalanya sikap masyarakat yang sudah terhakis nilai “sikap ambil tahu” membawa kepada kemusnahan nilai kekeluargaan dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2015, p.155) bahawa ibu bapa dan faktor persekitaran





sosial boleh memberi kesan secara timbal balas terhadap proses pembentukan tingkah laku dan jati diri seseorang. Faktor persekitaran sosial yang dikenalpasti memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu adalah terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya, sekolah, guru dan media massa. Oleh itu, hasil kajian ini ingin melihat persoalan tentang keberkesanan peranan ibu bapa dalam memberikan manfaat atau kesan positif kepada proses pembesaran dan tingkah laku kanak-kanak.

Ketika dunia dalam keadaan bercelaru dengan pelbagai krisis seperti krisis kekeluargaan, kita dituntut untuk mengatasi masalah tersebut dengan kaedah yang terbaik. Perbuatan-perbuatan ekstrem dan masalah sosial remaja telah merosakkan ikatan keibubapaan tanpa mengira kedudukan pangkat dan darjah seseorang. Hubungan yang tidak mesra dan tidak tegas antara ibu bapa dan anak boleh menyebabkan tingkah laku delikuan dalam kalangan anak-anak. Dalam konteks penggunaan media sosial, hubungan yang tidak baik antara ibu bapa dan anak menjadikan kanak-kanak lebih cenderung menggunakan media sosial secara ekstensif dan menjarakkan hubungan sosial mereka dengan ibu bapa (Sarina et. Al., 2014). Oleh itu kajian ini dilakukan dalam usaha mengembalikan semula nilai asuhan ibu bapa dalam kehidupan seharian. Kita dituntut mengembalikan semula nilai keibubapaan bagi membawa kehidupan seharian mengikut fitrah yang telah ditetapkan oleh pencipta manusia itu sendiri iaitu Allah SWT. Jikalau dikaji sirah rasulullah itu sendiri, baginda dilahirkan dalam sebuah masyarakat yang tebal dengan fahaman asabiyah (kekeluargaan) kerana peranan ibu bapa sangat penting untuk menyebarkan dakwah itu sendiri.





Masalah-masalah yang ditimbulkan oleh golongan remaja ini jelas menunjukkan bahawa remaja kini menghadapi gelora jiwa yang sangat parah sehingga sanggup melakukan perkara-perkara diluar batas usia dan kemampuan sebenar mereka. Ketidakupayaan mengendalikan emosi dengan baik menyebabkan tercetusnya pelbagai masalah sosial dalam kalangan remaja. Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr. Rais Yatim (*Utusan Malaysia*, 8 Mei 2017) meluahkan rasa amat bimbang dengan keruntuhan budaya remaja hari ini akibat mengabaikan nilai murni dan asuhan daripada ibu bapa yang semakin terbiar. Sekiranya perkara ini tidak diatasi dengan segera, golongan remaja akan hanyut dalam dunia khayalan dan akan mengabaikan masa depan mereka dan masa depan negara akan turut tergadai. Memandangkan golongan remaja merupakan golongan yang terbesar dan menjadi aset negara, isu pembangunan remaja perlu mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan agar aspek rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dicapai.

Pendedahan karya sastera di sekolah telah memberi kesan yang positif dari segi minat membaca karya sastera dalam kalangan remaja. Namun, hasrat dan aspirasi yang terdapat dalam kata pengantar teks komponen sastera sekolah menengah yang mengharapkan pengajaran dan pembelajaran kesusteraan dapat menyokong teras pembentukan individu dari segi pemupukan ilmu , kemahiran dan nilai yang berkaitan intelek dan emosi tidak tercapai sepenuhnya. Masalah sosial dalam kalangan remaja semakin berleluasa. Transformasi Nasional 2050 (TN2050) adalah satu usaha membentuk masa depan remaja Malaysia. Secara umumnya, remaja yang perlu diberi tumpuan adalah yang berumur di bawah 21 tahun dan kebanyakannya masih dalam alam persekolahan. Natijahnya, perkembangan





arus teknologi tanpa sempadan ini harus membuka mata ibu bapa tentang perlunya penerapan nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak.

Menteri Belia dan Sukan , Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar (*Berita Harian*, 6 November 2017) mendedahkan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja semakin kritikal dengan peningkatan lebih dua kali ganda kepada 30,844 kes pada tahun 2016. Hal ini amat membimbangkan kerana lebih satu pertiga daripada mereka berumur di bawah 17 tahun. Menurut Nurmaseha Mohd Zan, (2017), perkara yang lebih merisaukan kerana 23000 kes adalah penagih baharu. Jumlah kelahiran anak luar nikah pula melebihi setengah juta sepanjang 11 tahun sehingga Jun 2017. Pada zaman ibu bapa jarang dapat memberikan masa berkualiti, rumah semakin sempit, kemudahan rekreasi juga tidak mencukupi. Pilihan yang ada pada mereka adalah

merempit di jalan raya, berkhalay untuk melepaskan diri daripada tekanan dan seterusnya memilih jenayah kerana langsung tiada kemahiran untuk dijadikan asas kepada kerjaya. Langkah yang drastik perlu dilakukan dalam memastikan ibu bapa memainkan peranan dan tanggungjawab mendidik anak. Usaha menghasilkan insan yang berkualiti sangat berkait rapat dengan cara didikan yang diterima daripada ibu bapa. Seharusnya pendidikan bukanlah hanya memenuhi otak dengan segala ilmu yang belum diketahui tetapi haruslah dapat membentuk akhlak dan jiwa serta dapat mempersiapkan diri individu untuk suatu pembentukan personaliti Islamik.

Menteri Belia dan Sukan , Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar (*Berita Harian*, 6 November 2017) mendedahkan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja semakin kritikal dengan peningkatan lebih dua kali ganda kepada 30,844 kes pada tahun 2016. Hal ini amat membimbangkan kerana lebih satu pertiga daripada mereka





berumur di bawah 17 tahun. Menurut Nurmaseha Mohd Zan, (2017), perkara yang lebih merisaukan kerana 23000 kes adalah penagih baharu. Jumlah kelahiran anak luar nikah pula melebihi setengah juta sepanjang 11 tahun sehingga Jun 2017. Pada zaman ibu bapa jarang dapat memberikan masa berkualiti, rumah semakin sempit, kemudahan rekreasi juga tidak mencukupi. Pilihan yang ada pada mereka adalah merempit di jalan raya, berkhayal untuk melepaskan diri daripada tekanan dan seterusnya memilih jenayah kerana langsung tiada kemahiran untuk dijadikan asas kepada kerjaya. Langkah yang drastik perlu dilakukan dalam memastikan ibu bapa memainkan peranan dan tanggungjawab mendidik anak. Usaha menghasilkan insan yang berkualiti sangat berkait rapat dengan cara didikan yang diterima daripada ibu bapa. Seharusnya pendidikan bukanlah hanya memenuhi otak dengan segala ilmu yang belum diketahui tetapi haruslah dapat membentuk akhlak dan jiwa serta dapat

Menteri Belia dan Sukan , Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar (*Berita Harian*, 6 November 2017) mendedahkan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja semakin kritikal dengan peningkatan lebih dua kali ganda kepada 30,844 kes pada tahun 2016. Hal ini amat membimbangkan kerana lebih satu pertiga daripada mereka berumur di bawah 17 tahun. Menurut Nurmaseha Mohd Zan, (2017), perkara yang lebih merisaukan kerana 23000 kes adalah penagih baharu. Jumlah kelahiran anak luar nikah pula melebihi setengah juta sepanjang 11 tahun sehingga Jun 2017. Pada zaman ibu bapa jarang dapat memberikan masa berkualiti, rumah semakin sempit, kemudahan rekreasi juga tidak mencukupi. Pilihan yang ada pada mereka adalah merempit di jalan raya, berkhayal untuk melepaskan diri daripada tekanan dan seterusnya memilih jenayah kerana langsung tiada kemahiran untuk dijadikan asas





kepada kerjaya. Langkah yang drastik perlu dilakukan dalam memastikan ibu bapa memainkan peranan dan tanggungjawab mendidik anak. Usaha menghasilkan insan yang berkualiti sangat berkait rapat dengan cara didikan yang diterima daripada ibu bapa. Seharusnya pendidikan bukanlah hanya memenuhi otak dengan segala ilmu yang belum diketahui tetapi haruslah dapat membentuk akhlak dan jiwa serta dapat mempersiapkan diri individu untuk suatu pembentukan personaliti Islamik.

Pelan Integriti Nasional (PIN) mempunyai objektif umum untuk menyumbang kepada usaha pencapaian wawasan 2020, iaitu menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri, dengan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Pembentukan

generasi muda yang beragama dan berketrampilan merupakan asas kekuatan ummah ptbupsi

dan visi Malaysia pada tahun 2020 (Noorani Othman dan Salasiah Khairollah, 2013).

Tidak dinafikan lagi bahawa, generasi muda yang jauh daripada agama akan terdedah kepada pelbagai gejala sosial akibat nilai atau gaya hidup dan gaya fikir yang negatif akan menjaskan pegangan dan personaliti Islam yang mantap. Pembangunan modal insan lebih memberi penekanan kepada kesedaran tentang betapa perlunya setiap ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya terhadap anak-anak. Latar belakang agama yang rapuh menjadi punca remaja terdorong melakukan maksiat dan sebagainya. Didikan agama yang sepenuhnya oleh ibu bapa mampu menyelamatkan generasi muda yang bakal meneruskan legasi kepemimpinan negara suatu hari nanti.





Tegasnya, kajian ini ingin memperlihatkan peranan novel bukan sahaja dicipta sebagai hiburan, malah gaya keibubapaan yang dipaparkan juga perlu bersifat didaktik dan membawa ajaran yang bermoral sesuai dengan peredaran zaman dan masih tetap berharga pada masa kini. Hal ini jelas kerana ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam pembentukan dan perkembangan anak-anak sejak dari dalam kandungan lagi sehingga mereka meningkat dewasa. Gaya keibubapaan yang diamalkan terhadap anak-anak memberi kesan kepada perkembangan dan tingkah laku anak-anak. Oleh itu, dalam usaha membentuk sikap anak-anak, ibu bapa tidak boleh mengawal sepenuhnya tingkah laku anak-anak kerana hal ini boleh mendatangkan kesan yang negatif kepada kedua-dua belah pihak (Hassim, 2012). Oleh itu, jadilah ibu bapa yang boleh menjadi suri teladan kepada anak-anak. Masyarakat juga perlu memainkan peranan termasuk “menjaga tepi kain orang”.



Budaya sedemikian biarpun nampak seperti menceroboh privasi seseorang, namun dalam jangka panjang mampu mengekang gejala sosial kerana masyarakat menjadi lebih prihatin dengan persekitaran.

#### 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian yang dijalankan adalah untuk mengetahui dan memahami gaya keibubapaan dalam novel Tingkatan satu (*Sukar Membawa Tuah*) dan novel Tingkatan Tiga (*Merenang Gelora*). Berikut adalah objektif yang dijalankan :

1. Menjelaskan gaya keibubapaan dalam novel sebagai satu saluran mendidik berdasarkan prinsip kehadiran dalam teori teksdealisme.





2. Menganalisis gaya keibubapaan berkesan dalam membanteras masalah gejala sosial berdasarkan prinsip pelanggaran dan pengukuhan dalam teori teksdealisme.
  
3. Membuktikan gaya keibubapaan dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja berdasarkan prinsip keunggulan dalam teori teksdealisme.

## 1.5 Soalan Kajian

Kajian ini membuat penelitian terhadap gaya keibubapaan dalam novel *Sukar Membawa Tuah* dan *Merenang Gelora*. Nilai-nilai yang terkandung dalam bahan kajian ini diteliti dan dianalisis kesesuaianya berdasarkan matlamat penggunaan bahan Komsas di sekolah-sekolah menengah. Kajian ini bertujuan untuk meninjau :



1. Mengapakah gaya keibubapaan penting sebagai satu saluran mendidik?
  
2. Bagaimanakah gaya keibubapaan dapat membenteng masalah gejala sosial dalam novel?
  
3. Bagaimanakah gaya keibubapaan dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja?

## 1.6 Batasan Kajian

Terdapat batasan kajian yang dikenalpasti dalam kajian ini iaitu dengan memberikan tumpuan keseluruhan unsur-unsur dalaman berkaitan gaya keibubapaan dalam novel komsas supaya para pembaca dapat melihat kekuatan karya tersebut. Gaya keibubapaan yang terkandung dalam novel komsas dapat dijadikan kayu pengukur





dalam kehidupan masyarakat hari ini. Hal ini berhubung kait dengan keadaan dan bersesuaian dengan hukum serta memberi penekanan tentang mesej pengarang yang dianggap indah tentang nilai keibubapaan, penerapan akhlak dan nilai moral dalam mendidik anak. Kajian ini dibataskan kepada novel komsas tingkatan satu iaitu *Sukar Membawa Tuah* dan tingkatan 3 iaitu *Merenang Gelora*. Terdapat batasan kajian yang dikenal pasti iaitu dengan memberikan tumpuan keseluruhan unsur-unsur dalam berkaitan gaya keibubapaan dalam novel komsas supaya para pembaca dapat melihat kekuatan novel tersebut. Namun begitu, dapatan kajian ini tidak akan digunakan untuk digeneralisasikan kepada semua kanak-kanak. Walau bagaimanapun , menjadi harapan pengkaji agar dapatan kajian ini berfaedah kepada guru serta mereka yang terlibat dengan perkembangan kesusasteraan kanak-kanak.



terutamanya genre novel telah diperkenalkan kepada murid-murid tingkatan menengah rendah dan atas secara menyeluruh pada tahun 2002. Hasrat pendidikan yang ingin dicapai melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah pembentukan individu yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh. Pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan dapat menyokong teras pembentukan individu ini terutama dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi. Novel-novel remaja yang dipilih dalam novel sesuai untuk dijadikan bahan bacaan semua peringkat pembaca. Beliau menyarankan agar para pendidik dan ibu bapa harus berperanan dalam memilih bahan-bahan bacaan untuk remaja.





Dari aspek pemilihan teks dan genre, pengkaji mengambil novel-novel remaja yang teknik penulisannya berbentuk dan bersifat realisme, iaitu aliran sastera dan seni yang menggambarkan kisah hidup sebenar (bukan khayalan) dan bukannya novel remaja yang bersifat sains fiksyen. Selain itu novel yang dikaji iaitu novel Merenang Gelora telah memenangi tempat ketiga Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) tahun 2001 sebelum dipilih sebagai buku teks novel komsas tingkatan 3. Pemilihan novel HSKU ini dibuat berdasarkan usia pertandingannya telah mantap dan telah melebihi 25 tahun mewarnai dunia kesusasteraan negara. Selain itu, kewajaran pemilihan novel HSKU bermula pada tahun 2000 hingga 2014 adalah kerana novel-novel ini dicipta pada alaf baharu. Oleh itu, tema dan persoalan yang diungkapkan sesuai dengan remaja yang hidup pada masa sekarang.



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

hubungan gaya keibubapaan yang harmonis. Dalam hal ini ibu bapa bertindak sebagai penyelamat ahli-ahlinya daripada terus hanyut dalam dunia yang penuh pancaroba. Bahan yang akan digunakan dalam kajian ini ialah novel komsas tingkatan 1 dan tingkatan 3. Novel-novel itu ialah :

### Jadual 1.1

#### *Senarai novel yang dikaji*

Bil	Nama novel	Pengarang	Tingkatan	Tahun	Muka surat
01	<i>Sukar Membawa Tuah</i>	M.Z Erlysha	1	2007	106
02	<i>Merenang Gelora</i>	Ruslan Ngah	3	2011	264





## 1.7 Kepentingan Kajian

Karya kesusasteraan memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan jati diri remaja. Menyedari hakikat ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mewujudkan semula Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (PURNAMA) pada 16 Januari 2006. Penubuhan PURNAMA jelas membuktikan bahawa pentingnya sastera remaja dikembang dan dimantapkan supaya remaja dapat didedahkan dengan karya-karya sastera yang sesuai dan mempunyai nilai-nilai sahsiah yang tinggi daripada aspek gaya keibubapaan. Namun PURNAMA dibubarkan pada bulan Ogos 2010 dan ditubuhkan pula Bahagian Buku Kanak-kanak dan Remaja dan Bahagian Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja. Kedua-dua bahagian yang baharu ditubuhkan di Dewan Bahasa dan Pustaka ini memainkan peranan yang hampir sama dengan matlamat penubuhan PURNAMA malah fungsinya lebih besar terhadap perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja di negara ini sehingga kini.

Gaya keibubapaan merupakan wahana yang penting dalam usaha untuk mengisi sebahagian daripada tuntutan keperluan remaja. Kajian ini wajar dilakukan bagi mengenalpasti peranan dan fungsi ibu bapa yang dapat memberikan manfaat dan kesan positif kepada proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak peringkat awal remaja. Selain itu, persamaan atau perbezaan tema dan corak penceritaan novel komsas yang mempunyai unsur kekeluargaan dikatakan juga dapat meningkatkan pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak itu sendiri. Oleh yang demikian, melalui hasil kajian yang dihasilkan diharapkan dapat memberikan maklumat-maklumat seperti berikut:





Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan dan sumbangan kepada pihak-pihak tertentu seperti kepentingan akademik , penerbitan buku komponen sastera, pengarang atau penulis sastera kanak-kanak dan sebagainya yang bertujuan untuk mengkaji gaya keibubapaan yang terkandung dalam novel komponen sastera. Semoga para pengarang akan dapat menghasilkan karya sastera remaja yang menepati konsep dan takrif remaja serta memenuhi keperluan golongan ibu bapa mencapai matlamat dalam mendidik anak-anak menjadi insan yang seimbang.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu mahasiswa dan mahasiswi untuk melakukan kajian ilmiah pada masa akan datang dengan cuba memperbaharui atau menambahbaikan kajian dari aspek kesusteraan awal kanak-kanak seperti yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang sebelum ini. Diharapkan kajian ini dapat mendorong minat para sarjana untuk membuat penelitian terhadap sastera remaja dengan mengaplikasikan teori di luar bidang sastera, contohnya teori pengurusan dan teori kemanusiaan.

Kajian ini diharapkan bermanfaat dan berguna kepada masyarakat terutama ibu bapa untuk mendidik minda dan perkembangan pendidikan awal kanak-kanak khususnya para remaja melalui karya novel komponen sastera. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran bagi menjauhi tingkah laku devian dalam kalangan anak-anak mereka agar menjadi individu yang bersikap positif demi kesejahteraan masa depan mereka.





Hasil kajian ini juga boleh dijadikan asas panduan kepada golongan masyarakat dalam membantu menangani masalah tingkah laku remaja dengan lebih efektif. Membentuk akhlak remaja bukanlah tugas ibu bapa semata-mata, malah masyarakat juga berperanan dalam menegur serta mengawal mereka agar menjauhi tingkah laku devian. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat , memberi sokongan dan mendidik remaja yang sedang meningkat dewasa agar mampu berfikiran secara positif dan matang.

Hasil kajian ini diharapkan para guru dapat mengenal pasti tahap-tahap tingkah laku pelajar serta kekerapan perlakuan devian dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru juga boleh bertindak sebagai ibu bapa kedua yang mampu membimbing murid-murid agar berubah kepada sikap yang lebih positif. Semoga para guru dapat mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.

## 1.8 Metodologi

Metodologi merupakan kaedah dan teknik reka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. (ustazkenali, 2013). Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik yang digunakan. Tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Oleh itu jika kita berfikir





tentang kata metodologi, itu adalah cara mencari atau memecahkan masalah penelitian.

Selain itu, metodologi atau kaedah yang digunakan dalam sesebuah kajian merupakan suatu bentuk kawalan dalam memperoleh data dan maklumat supaya mampu menjawab objektif-objektif yang digariskan dalam kajian yang dijalankan ini (Siti Sarah, 2015). Penggunaan metodologi adalah merupakan satu cara untuk memudahkan pengkaji mengetahui hasil daripada satu permasalahan yang spesifik.

Seterusnya, metodologi penelitian adalah sekumpulan peraturan , kegiatan, dan prosedur yang digunakan oleh pelaku suatu disiplin ilmu. Metodologi juga merupakan analisis teoritis mengenai suatu cara atau metode. Penelitian merupakan

suatu penyelidikan yang sistematis untuk meningkatkan sejumlah pengetahuan, juga merupakan suatu usaha yang sistematis dan terorganisasi untuk menyelidiki masalah tertentu yang memerlukan jawapan (Dian Husada , 2016). Setiap orang mempunyai motivasi yang berbeza, antaranya dipengaruhi oleh tujuan dan profesyen masing-masing. Keinginan untuk memperoleh dan mengembangkan pengetahuan merupakan keperluan dasar manusia yang umumnya menjadi motivasi untuk melakukan penelitian.

Kesimpulannya, daripada berbagai-bagai pengertian metodologi ini, dapatlah dirumuskan bahawa metodologi adalah rangka yang dibina untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan atau fenomena yang terjadi. Pengkaji atau peneliti akan dapat membuat kesimpulan serta menjawab permasalahan atau fenomena yang terjadi.





### 1.8.1 Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan adalah usaha yang dilakukan oleh pemerhati atau peneliti untuk menghimpun segala informasi ataupun maklumat yang bersesuaian dan relevan dengan topik yang akan diteliti. Informasi yang akan diteliti dapat diperoleh daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan orang lain, laporan penelitian, ensiklopedia, fakta-fakta, sumber-sumber bertulis ataupun sumber elektronik. Teori-teori yang mendasari masalah dalam bidang yanag akan diteliti akan ditemukan dengan melakukan kajian kepustakaan.

Selain itu, kajian kepustakaan merupakan kegiatan mencari informasi atau maklumat yang relevan dengan penelitian yang akan dilakukan atau dijadikan dasar daripada sebuah idea (Hedi Sasrawan, 2012). Informasi sangat penting sebagai bahan bukti bahawa penelitian dibuat bukan sekadar berdasarkan pemikiran peribadi semata-mata. Oleh itu, kajian kepustakaan akan memuatkan huraian yang sistematik tentang kajian lepas dan hasil penelitian sebelumnya yang ada hubungan dengan penelitian yang akan dilakukan.

Oleh hal yang demikian pengumpulan maklumat kajian secara pembacaan dari kajian kepustakaan dianggap sebagai fakta sandaran memandangkan maklumat yang diperolehi adalah rujukan semula dari hasil kajian yang terdahulu. Namun begitu, masih terdapat maklumat-maklumat yang diperolehi akan digunakan dan dijadikan sumber sokongan dan bukti bagi sesebuah pendapat yang akan dikemukakan oleh pengkaji kelak. Oleh itu, melalui rujukan sumber seperti buku, jurnal, kajian ilmiah, majalah, risalah dan kertas kerja yang diambil dan diperolehi berkaitan gaya





keibubapaan dalam novel Tingkatan 1 iaitu *Sukar Membawa Tuah* dan novel Tingkatan 3 iaitu *Merenang Gelora*. Pendekatan serta teori yang digunakan adalah teori teksdealisme. Teks novel ini dipilih kerana tema yang dikemukakan oleh pengarang amat bertepatan dengan gaya keibubapaan yang dikaji oleh pengkaji. Maklumat-maklumat yang diperoleh akan diaplikasikan di dalam bab yang seterusnya sekaligus dapat melengkapkan kajian ilmiah pengkaji.

### 1.8.2 Kajian Teks

Kajian analisis kandungan teks bermula dengan membuat persampelan dokumen berdasarkan isu yang ditetapkan pengkaji bagi menjawab persoalan kajian yang tertentu. Justeru, pengkaji menghuraikan apa yang dibaca kepada unit yang bermakna, mengenal pasti struktur yang menarik, mengartikulasi semula (menyatakan idea) kefahaman pengkaji secara berurutan atau holistik. Kajian teks digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks bagi konteks yang dikaji. Kajian teks juga digunakan bertujuan untuk menyediakan pandangan baharu, meningkatkan kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Pendekatan kajian teks ini memerlukan bacaan yang mendalam terhadap bahan teks secara relatif.

Kajian teks melibatkan artikulasi semula (interpretasi) terhadap teks yang dikaji, yang boleh diterima dalam lingkungan komuniti tertentu. Analisis kajian teks membenarkan pengkaji menganalisis nilai dan mengesan isu yang boleh diperolehi dalam sesuatu teks. Kajian teks juga membolehkan pengkaji menganalisis nilai atau





corak serta perubahan yang berlaku dalam suatu jangka waktu yang panjang boleh dijalankan. Kajian teks juga adalah metod kajian yang telus kerana skema pengkodan dan persampelan boleh ditetapkan dengan jelas. Oleh itu kajian semula dan kajian lanjutan boleh dilakukan pada masa hadapan. Dalam hal ini pengkaji telah menggunakan novel komsas Tingkatan tiga iaitu *Merenang Gelora* dan novel komsas tingkatan satu iaitu *Sukar Membawa Tuah* untuk kajian teks. Kajian tertumpu kepada gaya keibubapaan yang terdapat dalam kedua-dua teks novel tersebut. Bacaan yang menyeluruh untuk kedua-dua novel komsas tersebut akan dapat mengupas isu-isu yang akan diketengahkan nanti. Kajian teks kedua-dua novel ini bermula dengan membuat persampelan teks berdasarkan isu yang ditetapkan pengkaji iaitu gaya keibubapaan bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang tertentu. Oleh itu, pengkaji menghuraikan apa yang dibaca kepada unit yang bermakna, mengenal pasti struktur yang menarik, mengartikulasi semula (menyatakan idea) kefahaman pengkaji secara berurutan atau holistik.

## 1.9 Definisi Operasional

Pengkaji akan menekankan analisis terhadap Teksrealisme Gaya keibubapaan dalam novel komsas tingkatan satu iaitu *Sukar Membawa Tuah* dan tingkatan tiga iaitu *Merenang Gelora*. Di sini, pengkaji cuba mengemukakan definisi istilah berkaitan dengan kajian pengkaji seperti mana di bawah:





### 1.9.1 Teksdealisme

Teksdealisme ialah rangkuman daripada dua kosa kata iaitu teks dan idealisme. Falsafah teori teksdealisme menyatakan bahawa setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya supaya mencapai suatu tahap keunggulan (Manasikana, 2006). Sesebuah novel akan muncul sebagai sebuah novel yang unggul apabila pengarang itu berani menghasilkan idea-idea yang boleh diterima dan ada kalanya akan dikritik oleh khalayak pembaca. Menurut Pegawai Bahagian Teori dan Kritikan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Jaafar Abdul Rahim (2012), teksdealisme adalah proses inovasi untuk disesuaikan dengan situasi setempat. Teksdealisme adalah penciptaan daripada sesuatu yang sedia ada, bukan berdasarkan sesuatu yang tidak ada. Teori ini sebenarnya tidak menyentuh aspek kreativiti radikal yang mencetuskan penciptaan teori teksdealisme. Teori teksdealisme berusaha menginterpretasi secara analitis dan kritis sesebuah karya dan kemudiannya mengangkat karya tersebut ke puncak idealismenya. Teksdealisme bergerak pada landasan yang mempercayai bahawa setiap pengarang memiliki dinamika kepengarangan yang akan mendorong seseorang pengarang untuk memajukan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Teksdelisme mempunyai metode dan mekanisme untuk menilai sesebuah teks.

Menurut pandangan Muhd Rafi bin Abu Bakar dan Muhd Razali Jantan (2012), teksdealisme bermaksud keberanian dan kebijaksanaan pengarang dalam menyampaikan idea dan pemikiran baharu. Oleh itu, teksdealisme harus diperkasakan untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai hasil produk tempatan. Keunggulan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna





yang berlapis-lapis. Para pengarang harus berani dalam menampilkan sesuatu yang baharu supaya tidak klise sifatnya dan bijaksana dalam keilmuan. Hal ini memperlihatkan dimensi pengarang ke arah melahirkan idea yang lebih positif agar dapat diterima oleh khalayak pembaca.

Selain itu, Mawar Shafei (2014) menerusi kajian terhadap karya-karya Anwar Ridhwan, berpendapat teksdealisme bukan hanya unggul dari aspek aplikasinya, tetapi juga menepati empat ciri utama sesebuah teori. Teksdealisme harus menepati ciri-ciri kehadiran, pengukuhan, pelanggaran dan individualiti. Oleh itu jelaslah bahawa teksdealisme dapat mengesan perkembangan kepengarangan seseorang bermula daripada karya awal hingga mutakhir bagi meletakan kedudukan pengarang itu.



Menurut Azman Ismail (2014), teksdealisme adalah penciptaan daripada sesuatu yang ada bukan berdasarkan sesuatu yang tidak ada. Oleh hal yang demikian, pengarang seharusnya sudah memperlengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan melalui pembacaan dan pengkajian dalam pelbagai bidang untuk melahirkan sebuah novel yang berkualiti. Aspek-aspek inilah yang memainkan peranan penting agar karya tersebut lebih kemas, tersusun dan berkualiti.

Definisi yang akan digunakan disini ialah teksdealisme, berdasarkan kemampuan teori ini menelusuri karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang. Teori ini amat sesuai digunakan untuk kajian yang melibatkan novel kerana dapat membuktikan sama ada sesebuah novel itu dapat diangkat sebagai sebuah novel yang unggul oleh pengarangnya. Teori teksdealisme mempunyai potensi besar untuk





diketengahkan dalam persejagatan sastera tempatan mahupun di peringkat antarabangsa.

### 1.9.2 Gaya keibubapaan

Menurut perspektif Islam, Rahimah Abd. Rahim (2012, p.123 – 141), menyatakan gaya keibubapaan diistilahkan sebagai penetapan status atau nasab yang wujud diantara ibu bapa dengan anak yang mana merangkumi aspek penunaian hak daripada seorang ibu dan bapa kepada anak-anak. Berdasarkan pernyataan itu, jelas menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan anak-anak mereka mengikut nilai-nilai Islam. Anak-anak yang terdidik dalam kalangan ibu bapa yang mementingkan didikan agama akan membesar dengan akhlak yang sempurna.



Selain itu, Razali (2013), menyatakan gaya keibubapaan ialah seseorang yang memberikan kanak-kanak penjagaan asas, arahan, sokongan, perlindungan dan bimbingan. Hal ini merujuk kepada keupayaan ibu bapa untuk membimbing atau mendidik anak-anak dalam membentuk seorang insan yang berjaya dan berguna serta membentuk keperibadian yang unggul. Hal ini membuktikan bahawa ibu bapa secara tidak langsung akan mempengaruhi perkembangan dan tingkah laku anak-anak. Dalam membentuk tingkah laku anak-anak, ibu bapa tidak boleh terlalu mengongkong tingkah laku anak-anak kerana hal ini akan menyebabkan jiwa anak-anak tertekan dan jiwa mereka akan memberontak. Hubungan yang mesra antara ibu bapa dan anak akan membentuk keperibadian anak yang unggul.





Menurut Salimynezhad, et al., (2015), gaya keibubapaan merupakan faktor sosial yang memberi kesan kepada perkembangan kecerdasan emosi anak. Dalam amalan keibubapaan, ibu bapa yang mampu menyediakan praktis, perkembangan emosi kepada anak merupakan ibu bapa yang mempunyai penguasaan dalam keibubapaan. Hal ini kerana pendedahan kepada perkembangan emosi akan membentuk kecerdasan emosi dalam diri anak yang akan ditunjukkan melalui personaliti dan tingkah laku mereka.

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2013, p.557) gaya keibubapaan bermaksud sifat, hal yang berkaitan dengan ibu bapa. Dengan adanya ilmu keibubapaan ini mereka tidak akan meraba-raba dalam kesabaran dan pelbagai gejala sosial merupakan indikator kepada keruntuhan institusi keluarga. Kegagalan ibu bapa melaksanakan amanah, tugas dan tanggungjawab masing-masing merupakan faktor utama kepada keruntuhan institusi keluarga. Oleh itu pendidikan keibubapaan amat penting dititikberatkan pada masa kini. Ibu bapa perlu disedarkan dan diinsafkan tentang betapa besar peranan dan fungsi mereka dalam menjana generasi cemerlang dan kemahiran keibubapaan diyakini matlamat itu akan tercapai.

Kesimpulannya, definisi gaya keibubapaan dipilih untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan untuk mendidik anak dengan cara dan kaedah yang betul. Gaya keibubapaan dapat memberikan maklumat kepada pihak yang bertanggungjawab agar dapat merancang program pendidikan keibubapaan yang mampu berhadapan dengan tuntutan generasi baharu yang hidup dalam persekitaran yang berbeza dengan zaman yang dilalui oleh ibu bapa mereka. Oleh itu, pendidikan keibubapaan amat penting dititikberatkan pada masa kini. Ibu bapa perlu disedarkan





dan diinsafkan tentang betapa besar peranan dan fungsi mereka dalam menjana generasi cemerlang yang bakal menjadi pemimpin pelapis negara satu masa nanti.

### 1.9.3 Novel

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2013, p.1086), novel didefinisikan sebagai cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Menurut Hashim Awang (2011), novel adalah prosa cerita yang panjang dan menceritakan kisah hidup manusia pada sesuatu tempat dan dalam suatu masa tertentu untuk melahirkan satu persoalan kehidupan yang menarik. Oleh hal yang demikian, novel yang baik adalah novel yang isi

kandungannya dapat memanusiakan para pembaca.  Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Menurut. Hisam Sam (2016), dalam penulisan Pendidikan .Com, mendefinisikan novel sebagai bentuk karya sastera yang paling popular di dunia. Bentuk sastera ini paling banyak beredar lantaran daya komunikasinya yang luas pada masyarakat. Sebagai bahan bacaan, novel dapat dibahagi kepada dua golongan iaitu karya serius dan karya hiburan. Syarat penulisan novel adalah, novel mesti menarik, menghibur dan mendatangkan rasa puas kepada para pembaca setelah habis membacaanya. Novel sudah tidak asing lagi bagi orang-orang yang suka membaca. Banyak cerita di dalamnya yang inspiratif, bacaannya yang ringan, asyik dan menambah wawasan, sehingga novel banyak digemari oleh sebahagian orang. Bahkan novel banyak dijadikan sebagai bahan terfaforit bagi semua kalangan. Novel berbeza dengan cerpen, meskipun sama-sama berbentuk prosa, namun novel tidaklah





cerita yang hanya beberapa lembar sahaja seperti cerpen, akan tetapi cerita yang panjang dan dikhususkan menjadi satu buku yang direka bentuk dengan kulit buku yang bersesuaian dengan isi novel tersebut.

Menurut Zairin Zulaikha (2014), novel ditakrifkan sebagai cereka yang berbentuk prosa. Cereka yang ddisampaikan itu luas jangkauannya . Maksudnya ialah cerita yang disampaikan itu terdiri atas plot yang kompleks. Watak yang menggerakkan cerita dalam novel banyak jumlahnya. Persoalan-persoalan yang dikemukakan bersifat pelbagai dan suasana serta latar ceritanya beranika jenis. Hal-hal ini menyebabkan sesebuah novel itu relatif panjang, iaitu lebih panjang daripada cerpen. Kesimpulannya, novel merupakan medium ilmu yang diperoleh melalui aktiviti membaca. Novel juga merupakan antara karya sastera yang terulung dan



05-45068banyak mengisahkan latar belakang kehidupan dalam sesebuah masyarakat.



Menurut pandangan Rasdan Ahmad (15 november 2015), novel adalah karya picisan yang menyuntikkan satu fantasi sosial yang menjurus kepada materialisme yang mana khalayak pembaca dibentuk untuk mengagumi hal-hal kebendaan berbanding dengan nilai kemanusiaan atau perjuangan. Kecenderungan remaja Melayu khususnya golongan pelajar menjadikan novel picisan ini sebagai bahan bacaan dilihat telah memusnahkan gagasan untuk menjadi sebuah negara yang maju. Seharusnya tahap memilih kualiti bahan bacaan sewajarnya berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bertentangan dengan cita rasa dalam memilih bahan bacaan remaja kalau statistik penjualan novel picisan ini boleh dijadikan bahan rujukan.





Definisi yang digunakan dalam kajian ini ialah novel kerana novel merupakan cerita rekaan yang panjang dan di dalamnya terkandung kejadian-kejadian yang berlaku di dalam masyarakat dan diri pengarang sendiri. Jalan cerita dan peleraian dalam novel menggambarkan realiti kehidupan yang berlaku dalam masyarakat hari ini dan boleh dijadikan sebagai pengajaran kepada pembaca. Tambahan lagi, novel digarap dengan bahasa yang menarik supaya pembaca dapat menikmati dan memahami karya tersebut.

#### 1.9.4 Komsas

Komsas ialah kata akronim bagi 'Komponen sastera'. Komsas merupakan komponen dalam subjek bahasa Melayu yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pelajar Tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di semua sekolah menengah. Komsas (Komponen sastera) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mula diperkenalkan pada 22 Jun 1999 kepada semua pelajar sekolah menengah aliran sains, sastera, teknik, vokasional dan agama. Menurut Nordin Saad (25.12.2016), sastera sering diandaikan pemiliknya adalah seorang yang berjiwa halus atau seni. Hal ini juga turut menjadikan sastera seolah-seolah bukan milik universal , tetapi milik segelintir masyarakat yang dipanggil sebagai orang sastera.

Menurut Jais Sahok (2012), sastera adalah kerangka berfikir bagi seseorang untuk memahami dunia karya sastera. Jika kita sebagai pembaca ingin memahami dan menikmati karya, pemahaman kita akan kian baik apabila disertakan dengan pemahaman terhadap diri pengarang dan kepenggarangan mereka. Apabila kita telah





mengenali sasterawan itu, kita juga akan dapat memahami karya sastera mereka dengan lebih baik. Karya sastera merupakan kehidupan kreatif seseorang pengarang dan mengungkapkan keperibadian pengarangnya.

Menurut kajian Aziz Ataullah (2016), komponen sastera (komsas) merupakan seni yang mengandungi nilai-nilai yang baik dengan menggunakan bahasa yang indah. Sastera merupakan wadah yang memperlihat perkembangan serta kemajuan bidang kesusasteraan sejak dari dahulu. Bahasa yang biasa digunakan dalam sastera mempunyai makna dua lapis untuk menjadikan karya mereka indah. Oleh sebab itu ramai pembaca kurang gemar membaca karya sastera.

Menurut M.N Zainuddin (2017), sastera itu mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat, maksudnya karya sastera adalah cerminan masyarakat. Karya sastera meliputi puisi, cerpen, drama, novel dan sebagainya. Pembentukan karya sastera di Malaysia berhubung erat dengan masyarakat, perkembangan ilmu dan bidang sastera itu sendiri. Kesusasteraan itu sebagai ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa.

Bagi memastikan semua pelajar sekolah menengah rendah dan menengah atas mempelajari kesusasteraan, maka penggunaan karya sastera diwajibkan sebagai komponen dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sebelum komsas dilaksanakan, pelajar sudah didedahkan dengan unsur dan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Namun, keberkesanannya dalam aspek penghayatan nilai tidak membanggakan. Hal ini demikian kerana pengajaran dan pembelajaran menjurus kepada aspek input bahasa semata-mata. Aspek nilai





estetik, keindahan bahasa, dan sosio budaya yang tergarap dalam karya yang digunakan itu tidak diberikan tumpuan. Sebaliknya, melalui komsas, aspek-aspek tersebut diberikan penekanan disamping untuk meningkatkan keupayaan pelajar untuk berbahasa.

Definisi yang digunakan dalam kajian ini ialah komsas kerana unsur yang terdapat dalam komsas menjadi pemangkin dalam pembinaan sahsiah dan dapat memperkembangkan potensi murid-murid secara menyeluruh apabila membaca karya sastera. Karya-karya komsas yang berunsurkan nilai kekeluargaan dapat membentuk kematangan pembacanya iaitu golongan remaja. Golongan remaja disasarkan kerana mereka adalah golongan yang akan menjadi pemimpin pelapis negara pada masa akan datang.



## 1.10 Kesimpulan

Menerusi kajian ini, pengkaji berharap dapat mengenali dan memahami gaya keibubapaan yang terdapat dalam novel untuk menyampaikan mesej dalam bentuk penulisan, disusun dalam bentuk yang istimewa berbanding dengan bahasa lisan pengucapan biasa. Gaya keibubapaan dalam novel dapat dilihat dari penggunaan bahasa yang lebih menarik dan simbolik mengandungi nilai-nilai keindahan disamping membuat teguran kepada khalayak pembaca dalam bahasa yang halus.

Pengkaji berharap agar karya novel komsas dapat dilihat dari sudut yang berbeza dan tidak hanya menganggap novel komsas sebagai alat hiburan semata-mata. Penulisan novel komponen sastera dikutip dari pengalaman penulis dalam





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



33 ptbupsi

realiti kehidupan masyarakat itu sendiri yang secara tidak langsung memasyarakatkan pembaca pada ketika itu dengan memasukkan unsur-unsur keibubapaan dengan berlatar belakangkan kehidupan sehari-harian masyarakat itu sendiri.

Ketepatan dan kerasionalan gaya keibubapaan dalam novel komponen sastera selaras dengan proses tumbesaran kanak-kanak kerana terdapatnya hubungan yang sebatи dan mesra antara sastera dan kanak-kanak. Sehubungan itu, pengkaji juga perlu mengkaji dan mendapat sumber bahan yang pelbagai dalam menghasilkan kajian ini dengan berkesan dan terbaik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 2



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi